



**APPGM-SDG**  
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# 20 24



## RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI  
DI KAWASAN PARLIMEN

**P.109 KAPAR**

# Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI  
DI KAWASAN PARLIMEN

## **P.109 KAPAR**

---

**Penyunting Siri**  
Nurul Syaza Mazelan

**Penulis**  
Dr. Thanaraj Murudi



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# ISI KANDUNGAN

## LAPORAN P.109 KAPAR (SELANGOR)

<b>Kata Pengantar</b> - Nur Rahmah Othman	I-II
<b>Pendahuluan</b> - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III-XV

### BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu	1-13
------------------------------	------

### BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan	15
2.0 Pemetaan Isu	16-29
3.0 Pengutamaan Isu	30-35



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# KATA PENGANTAR

***Nur Rahmah Othman***

*Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat*

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

**Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid**

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3

<b>JILID</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>JUMLAH KAWASAN PARLIMEN</b>	<b>PENYELIDIK</b>
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>30</b>	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

### **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

# PENDAHULUAN

***Nurul Syaza Mazelan***

*Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen*

***Siti Nur Ain Zakinuddin***

*Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur*

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperolehi terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebarkan kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT  
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG  
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.



**Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024**

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN- BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN- BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN- BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN-BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN-BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH-AMANAHAH	Nurul Syaza Mazelan

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN-BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN- UMNO	Nurrul Fazlina Osman

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

## PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



### 1. MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan melibatkan Ahli Parlimen (MP) dan Pegawai Khas bersama dengan pasukan sekretariat APPGM-SDG mengenai latarbelakang dan gerak kerja APPGM-SDG.



### 2. SESI PEMROFILAN KAWASAN PARLIMEN

Perbincangan bersama MP, Pegawai Khas dan Ketua Penyelidik mengenai profil kawasan parlimen



### 3. PENGLIBATAN DENGAN PEGAWAI AGENSI KERAJAAN (PRA-LAWATAN)

- Pengenalan kepada APPGM-SDG
- Kerjasama bersama Pegawai Daerah berkaitan jemputan sesi dialog bersama agensi kerajaan

### 4. LAWATAN TAPAK 3 HARI

- Lawatan dan perbincangan bersama komuniti sasaran
- Perbincangan kumpulan fokus (FGD) merangkumi isu sosial, ekonomi dan persekitaran



### 5. DIALOG ANTARA AGENSI

- Perbincangan berkenaan isu yang dikenalpasti semasa lawatan tapak tiga hari
- Maklum balas dan pandangan daripada agensi terhadap isu ditemui



### 6. PENGUTAMAAN ISU BERSAMA AHLI PARLIMEN

Perbincangan bersama MP mengenai isu yang dikumpulkan dan mengenalpasti isu utama yang terdesak

### 7. PROJEK SOLUSI

- Projek dijalankan adalah berdasarkan isu dan perbincangan bersama MP
- Melibatkan penyetempatan SDG
- Fokus terhadap sosial, ekonomi dan persekitaran



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

<b>STATUS INDIVIDU</b>		<b>KAUM MINORITI</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan B40 / miskin tegar</li> <li>2. Penduduk M40</li> <li>3. Orang kurang upaya (OKU)</li> <li>4. Ibu / Bapa tunggal</li> <li>5. Wanita</li> <li>6. Warga emas</li> <li>7. Belia</li> <li>8. Kanak-kanak</li> <li>9. Warga asing / Pelarian</li> <li>10. Tiada warganegara</li> <li>11. Ketua Isi Rumah</li> </ol>		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Komuniti Cina</li> <li>2. Komuniti India</li> <li>3. Komuniti Siam</li> <li>4. Orang Asli/Asal</li> <li>5. Komuniti Bugis</li> <li>6. Komuniti Iban</li> <li>7. Komuniti Kedayan</li> </ol>
<b>JENIS PEKERJAAN</b>		<b>PENDIDIKAN</b>
<b>Pertanian</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petani</li> <li>2. Peladang/Peneroka</li> <li>3. Penoreh</li> <li>4. Penternak</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PIBG Sekolah</li> <li>2. Pelajar sekolah</li> <li>3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)</li> <li>4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)</li> </ol>
<b>Perikanan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nelayan laut</li> <li>2. Nelayan darat</li> </ol>	
<b>Perdagangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peniaga</li> <li>2. Penjaja</li> <li>3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)</li> <li>4. Pengusaha Homestay</li> </ol>	

<b>Perindustrian</b>	1. Pemilik kilang	<b>Organisasi / Persatuan</b>
<b>Perkhidmatan</b>	1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu- Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung	1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

### **PENEMUAN KESELURUHAN**

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan



Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

<b>ZON / WILAYAH</b>	<b>ISU UTAMA</b>
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gejala sosial</li> <li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li> <li>• Kos sara hidup yang tinggi</li> <li>• Keciciran Pendidikan</li> <li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li> <li>• Masalah banjir</li> <li>• Pencemaran air dan udara</li> </ul>
Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li> <li>• Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian</li> <li>• Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani</li> <li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li> <li>• Penghijrahan ke bandar</li> <li>• Kos sara hidup yang tinggi</li> </ul>
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li> <li>• Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah</li> <li>• Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah</li> <li>• Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia</li> </ul>
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah banjir</li> <li>• Konflik hidupan liar dan manusia</li> <li>• Keciciran pendidikan</li> <li>• Kenaikan kos sara hidup</li> <li>• Kesukaran mendapatkan lesen nelayan</li> <li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li> </ul>
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah</li> <li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li> <li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li> <li>• Keperluan sokongan dan bantuan penjana pendapatan</li> <li>• Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien</li> </ul>

Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir</li><li>• Penyeludupan barang di sempadan</li><li>• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah</li><li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li><li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li><li>• Konflik pemilikan tanah</li><li>• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa</li><li>• Konflik manusia – hidupan liar</li></ul>
-----------------	---

# **BAHAGIAN A**

---

**LAPORAN**

**LAWATAN PEMETAAN ISU**

P.109 KAPAR (SELANGOR)

18 - 21 Disember 2023 (Isnin - Khamis)

## TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

### HARI 1

- 1: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama Nelayan di Sungai Sireh
- 2: Sesi Dialog bersama Penduduk Pangsapuri Seri Perantau
- 3: Sesi Dialog bersama Belia Tempatan
- 4: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama Nelayan di Jeti Kampung Delek

### HARI 2

- 5: Sesi Dialog bersama Komuniti India & Cina
- 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal
- 7: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama Komuniti Nelayan Tok Muda
- 8: Sesi Dialog bersama Komuniti Masyarakat India

### HARI 3

- 9: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama Penduduk Kampung Sungai Serdang
- 10: Sesi Dialog bersama Golongan B40
- 11: Sesi Dialog bersama Warga OKU

### HARI 4

- 12: Sesi Dialog bersama Penghulu-Penghulu Mukim
- 13: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama MPKK Bukit Kapar
- 14: Sesi Dialog berkenaan Belia dan Sukan

## PASUKAN PENYELIDIK



Dr Thanaraj Murudi  
(Ketua Penyelidik)



Yoogeshwaran



Raine Melissa Riman



Daniel



Sharmila

Dengan sokongan  
daripada  
Ahli Parlimen Kapar,  
YB Dr. Hajah  
Halimah Ali





### 9 November 2023

Mesyuarat awal bersama YB Dr. Hajah Halimah Ali (Ahli Parlimen Kapar) di Parlimen Malaysia.



### 13 Disember 2023

Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Dr. Thanaraj Murudi and Dr. Wan Suzita telah bertemu dengan Pegawai Daerah dan Tanah Klang YBs. Tuan Shahman bin Jalaludin bagi membincangkan agenda lawatan tapak untuk parlimen Kapar dan Klang yang bakal diadakan.

Tuan Pegawai Daerah telah bersetuju untuk mempengerusikan inter-agensi untuk kedua-dua parlimen pada tarikh yang dipersetujui bersama.



### 1: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama Nelayan di Sungai Sireh

FGD 1 - Sesi FGD 1 yang melibatkan nelayan tempatan di sekitar kawasan Jeti Sungai Sireh. Kesemua mereka adalah nelayan sepenuh masa yang bergantung pada sumber hasil daripada sungai untuk meneruskan kehidupan harian. Pasukan APPGM-SDG turut melakukan lawatan tapak ke kawasan ikan dan kilang keropok lekor berhampiran. Antara isu-isu yang mereka bangkitkan ialah:

- Tidak mendapat lesen
- Sampah sarap yang kerap meningkat di sungai
- Kos perbaiki bot yang terlampau tinggi
- Kes Pukat Tunda
- Kos minyak enjin yang terlampau tinggi
- Pencemaran sungai oleh kilang berhampiran





## 2: Sesi Dialog bersama Penduduk Pangsapuri Seri Perantau

FGD 2 - Sesi FGD 2 yang melibatkan penduduk sekitar pangsapuri tersebut. Ketua-ketua blok meluahkan perasaan dipinggirkan oleh agensi-agensi yang berkaitan. Isu-isu yang mereka hadapi ialah;

- Hak milik strata tidak diberikan lagi
- Bil TNB tertunggak sebanyak 4.2 Juta
- Kawasan denggi berisiko tinggi
- Gejala sosial berleluasa
- Lif tidak dibaiki selama 9 bulan



### 3: Sesi Dialog bersama Belia Tempatan

FGD 3 - Sesi FGD 3 yang melibatkan belia tempatan di kawasan Parlimen Kapar. Mereka menyuarakan beberapa isu semasa yang berlaku dikalangan mereka seperti;

- Tempat bersukan yang tidak lengkap dan tidak inklusif
- Masalah perparitan yang tidak cekap dan berbau
- Isu pelajar dibuang sekolah





#### 4: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama Nelayan di Jeti Kampung Delek

FGD 4 - Sesi FGD 4 yang melibatkan nelayan tempatan di sekitar kawasan Jeti Kampung Delek. Kesemua mereka adalah nelayan sepenuh masa yang bergantung pada sumber hasil daripada sungai untuk meneruskan kehidupan harian. Antara isu-isu yang disuarakan mereka adalah;

- Tidak mendapat lesen
- Sampah sarap yang kerap meningkat di sungai
- Kos perbaiki bot yang terlampau tinggi
- Kes pukut tunda
- Kos minyak enjin yang terlampau tinggi
- Pencemaran sungai oleh kilang berhampiran
- Pemendapan tanah



## 5: Sesi Dialog bersama Komuniti India & Cina

FGD 5 - Sesi FGD 5 yang melibatkan komuniti India dan Cina melibatkan peserta FGD meluangkan perasaan mereka dan juga mempertengahkan isu yang mereka hadapi dalam seharian. Antaranya ialah;

- Kes gejala sosial yang tinggi
- Dirasa dipinggirkan daripada mendapat bantuan sedia ada
- Mempunyai isu peluang pekerjaan
- Jalan yang berlubang yang banyak mengakibatkan kemalangan motor
- Persekitaran rumah yang tidak kondusif





## 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal

FGD 6 - Sesi FGD 6 yang melibatkan komuniti Ibu tunggal seramai 29 orang. Dalam sesi FGD ini mereka menyuarakan isu-isu yang dihadapi oleh mereka;

- Harga barang naik melampau
- Keselamatan sosial sangat kurang
- Anak-anak tidak mendapat apa-apa bantuan
- Informasi tentang bantuan kerajaan tidak menyampai mereka
- Sekitaran perumahan yang sering dijadikan sarang dadah.
- Sampah sarap yang banyak berlonggokan di jalan yang juga menyebabkan kemalangan motor
- Lembu liar yang seringkali berkeliaran di sekitar jalan raya, juga menyebabkan kemalangan
- Masalah mat rempit





## 7: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama Komuniti Nelayan Tok Muda

FGD 7 - Sesi FGD 7 yang melibatkan komuniti nelayan di pengkalan jeti Kampung Tok Muda. Antara isu-isu yang disuarakan oleh pihak nelayan adalah;

- Pencemaran sungai disebabkan oleh kilang Kapar Energy Ventures
- Pencerobohan yang dilakukan oleh warga asing
- Pukat tunda yang beleluasa di pengkalan ini menjadikan nelayan tidak ada pendapatan langsung
- Gejala dadah yang berleluasa



## 8: Sesi Dialog bersama Komuniti Masyarakat India dan Pemandu Van Kilang

FGD 8 - Sesi FGD 8 yang melibatkan masyarakat India daripada sektor yang pelbagai.

- Pendidikan menjadi isu kepada masyarakat India
- Kemiskinan yang menyebabkan gejala sosial





## 9: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama Penduduk Kampung Sungai Serdang

FGD 9 - Sesi FGD 9 yang melibatkan penduduk kampung Sungai Serdang. Isu terbesar adalah pembuangan sampah haram yang menyebabkan masalah kesihatan yang sangat kritikal. Tempat tersebut dikuasai gangster tempatan yang sangat agresif.

Pasukan APPGM-SDG dibantu pihak polis Kapar untuk lawatan tapak pembuangan sampah haram atas isu-isu keselamatan.



## 10: Sesi Dialog bersama Golongan B40

FGD 10 - Sesi FGD 10 yang melibatkan komuniti B40 setempat.

- Kedai - kedai runcit dimonopoli oleh warga asing
- Longgokan sampah yang mencemari persekitaran dan udara
- Harga barang naik melampau
- Minyak subsidi tiada stok
- Kesukaran mendapat bantuan kerajaan kerana syarat yang ketat
- Informasi tentang bantuan kerajaan tidak sampai kepada komuniti mereka





## 11: Sesi Dialog bersama Warga OKU

FGD 11 - Sesi FGD 11 yang melibatkan komuniti orang keistimewaan upaya.

- Parkir OKU digunakan oleh orang-orang yang sempurna fizikal tetapi kurang timbang rasa
- Tandas OKU di pam petrol selalu ditutup
- Kawasan hiburan seperti pawagam tidak menyediakan kemudahan mesra OKU



## 12: Sesi Dialog bersama Penghulu-Penghulu Mukim

FGD 12 - Sesi FGD 12 yang melibatkan penghulu-penghulu Mukim. Penghulu yang terlibat telah membincangkan isu-isu semasa dan solusi yang wajar diambil bagi mengatasi masalah.





### 13: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama MPKK Bukit Kapar

FGD 13 - Sesi FGD 13 yang melibatkan MPKK Bukit Kapar yang mempertengahkan isu banjir di kawasan mereka.

Hal ini sedemikian kerana sistem perparitan yang teruk dan usang, dan pengondolan tanah untuk projek pembinaan hospital dan tujuan pembinaan lain.



### 14: Sesi Dialog berkenaan Belia dan Sukan

FGD 14 - Sesi FGD 14 berkenaan belia dan sukan.




# **BAHAGIAN B**

---

## **LAPORAN PEMETAAN ISU**

P.109 KAPAR (SELANGOR)

## 1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Kapar ini diadakan dengan usahasama daripada YB Dr. Hajah Halimah Ali dari parti Perikatan Nasional.</i></p>		 <p>YB Dr. Hajah Halimah Ali</p>																								
<b>Parlimen</b>	P 109																									
<b>Kawasan</b>	Kapar																									
<b>Negeri</b>	Selangor																									
<b>Jumlah penduduk</b>	314,033 orang																									
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>244,631</td> <td>77.9</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>33,601</td> <td>10.7</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>34,229</td> <td>10.9</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain-lain</td> <td>1,572</td> <td>0.5</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><b>JUMLAH KESELURUHAN</b></td> <td><b>314,033</b></td> <td><b>100.00</b></td> </tr> </tbody> </table>		BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	244,631	77.9	2.	Cina	33,601	10.7	3.	India	34,229	10.9	4.	Lain-lain	1,572	0.5	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>314,033</b>	<b>100.00</b>
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																							
1.	Bumiputera	244,631	77.9																							
2.	Cina	33,601	10.7																							
3.	India	34,229	10.9																							
4.	Lain-lain	1,572	0.5																							
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>314,033</b>	<b>100.00</b>																							
	<p><i>Sumber: Statistik Subnasional Parlimen dan Dun, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022</i></p>																									
<b>Kegiatan ekonomi utama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Industri Perikanan: Nelayan</li> <li>• Perindustrian: Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan</li> <li>• Industri perladangan</li> </ul>																									
<b>Pasukan kajian</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dr Thanaraj Murudi : Ketua Penyelidik</li> <li>2. Cik Raine Melissa Riman : Pembantu Penyelidik</li> <li>3. En Daniel Mokhtar : Pembantu Penyelidik</li> <li>4. En Yoogeswaran Kanis : Pembantu Penyelidik</li> <li>5. Cik Sharmila : Pembantu Penyelidik</li> </ol>																									

## 2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 14 FGD telah dijalankan dan lima 5 lawatan tapak bersama komuniti tempatan dan NGO selama 4 hari di kawasan lokaliti Parlimen Kapar. Dialog antara agensi masih belum dilaksanakan buat masa ini.

<b>TARIKH</b>	<b>PERKARA</b>
<b>18 Disember 2023,</b> Isnin	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama Nelayan di Sungai Sireh</li><li>• Sesi Dialog bersama Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li><li>• Sesi Dialog bersama Belia Tempatan</li><li>• Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama Nelayan di Jeti Kampung Delek</li></ul>
<b>19 Disember 2023,</b> Selasa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sesi Dialog bersama Komuniti India &amp; Cina</li><li>• Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal</li><li>• Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama Komuniti Nelayan Tok Muda</li><li>• Sesi Dialog bersama Komuniti Masyarakat India</li></ul>
<b>20 Disember 2024,</b> Rabu	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama Penduduk Kampung Sungai Serdang</li><li>• Sesi Dialog bersama Golongan B40</li><li>• Sesi Dialog bersama Warga OKU</li></ul>
<b>21 Disember 2024,</b> Khamis	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sesi Dialog bersama Penghulu-Penghulu Mukim</li><li>• Sesi Dialog dan Lawatan Tapak bersama MPKK Bukit Kapar</li><li>• Sesi Dialog berkenaan Belia dan Sukan</li></ul>

## PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
<b>ISU SOSIAL</b>		
Kurang pantauan daripada pihak berkuasa tempatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seluruh <i>interceptor</i> di Bandaraya Diraja Klang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak syarikat atau kontraktor yang disyaki tidak melakukan tugas mereka dengan efisien ataupun langsung tidak mengerjakan sebarang pembaikpulihan terhadap <i>interceptor</i> untuk sampah sarap.</li> </ul>
Tanah hak pemilikan (TOL) yang tergantung	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nelayan Sungai Sireh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hak pemilikan tanah ataupun <i>Temporary Occupation Licence</i> hilang daripada pihak nelayan.</li> <li>Akibat perubahan pemimpin atau sejak peralihan kuasa dalam pentadbiran, mereka telah hilang hak pemilikan ataupun status TOL.</li> <li>Ramai nelayan yang merupakan ahli persatuan nelayan terjejas.</li> </ul>
Akses komunikasi dua hala terhad diantara pihak nelayan dan pihak berkuasa tempatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nelayan Sungai Sireh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak nelayan mahu ditemuduga oleh pihak berkuasa tempatan, dan bukannya diasumsikan tentang jenis peralatan yang mereka perlukan.</li> <li>Pihak nelayan berpendapat pihak berkuasa bertanya kepada nelayan apa peralatan spesifik yang diperlukan di laut, dan bukannya diberikan bantuan yang tidak digunakan oleh nelayan. Contohnya, bantuan sauh besar yang tidak diperlukan oleh nelayan.</li> </ul>
Proses mendapatkan dana kebajikan yang lambat dan menyusahkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nelayan Sungai Sireh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perlu bantuan dana untuk urus ahli yang meninggal, sakit, atau yang memerlukan kepada biro kebajikan.</li> </ul>
Penindasan daripada pihak bot pukut tunda terhadap nelayan pantai	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nelayan</li> <li>Nelayan Sungai Sireh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penindasan dari segi pengurusan kawasan atau zon perikanan pantai oleh pihak yang menggunakan pukut tunda.</li> <li>Zon perikanan nelayan pantai telah dianiaya oleh pihak kapal tunda, menyebabkan kerosakan pada bot, jaring, serta kehilangan sumber ikan.</li> </ul>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>
Kemiskinan tegar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> <li>• B40</li> <li>• Ibu tunggal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghuni asal flat ini berasal dari kampung setinggan, di mana ramai daripada mereka berpendapatan rendah dan tergolong dalam kategori miskin tegar.</li> <li>• Menyebabkan kesukaran untuk membayar pinjaman perumahan atau yuran penyelenggaraan rumah, malah ada yang terpaksa menjual unit flat mereka.</li> </ul>
Kegagalan membayar yuran penyelenggaraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> <li>• B40</li> <li>• Ibu tunggal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelbagai masalah dalaman timbul, seperti penduduk yang enggan atau tidak mampu membayar yuran penyelenggaraan, serta pertelingkahan dengan penduduk lain.</li> <li>• Keadaan semakin meruncing kerana mereka berisiko kehilangan bekalan elektrik dan kini mempunyai tunggakan hutang TNB sebanyak RM4.3 juta.</li> </ul>
Pemilikan atau status strata yang tidak jelas dan bermasalah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> <li>• B40</li> <li>• Ibu tunggal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isu ini telah dibawa ke Pejabat Menteri Besar untuk diselesaikan. Masalah ini berpunca daripada kurangnya pemahaman penduduk terhadap proses pemilikan rumah.</li> <li>• Mereka tidak mengetahui atau tidak arif mengenai prosedur guaman yang terlibat ketika pembelian rumah dilakukan.</li> </ul>
Gelandangan akibat lelongan rumah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Apabila pinjaman rumah tidak lagi dapat diselenggara, pihak bank menyita rumah tersebut dan penghuni terpaksa berpindah.</li> <li>• Gelandangan di kalangan penduduk flat ini berlaku kerana mereka tidak mampu membayar pinjaman rumah atau rumah mereka disita.</li> </ul>
Pengetahuan yang terhad terhadap akses kebajikan untuk individu bukan islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk India Pangsapuri Seri Perantau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Walaupun penduduk Melayu/Muslim boleh memohon bantuan melalui zakat, penduduk berbangsa India tidak mempunyai pengetahuan tentang akses kepada sebarang kebajikan atau bantuan sosial.</li> </ul>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>
Pengurusan bangunan/flat tidak sistematik dan gagal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah dalaman dalam menguruskan bangunan/flat kerana tiada JMB</li> </ul>
Kegagalan pelaksanaan program Setinggalan Sifar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada kontrak atau pendidikan literasi pengetahuan, menyebabkan masalah kemiskinan tegar yang semakin membebankan penduduk untuk meneruskan gaya hidup kontemporari bandar ini.</li> </ul>
Kekurangan fasiliti riadah tempatan untuk kanak-kanak dan golongan belia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> <li>• Kanak-kanak</li> <li>• Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang fasiliti riadah untuk golongan kanak kanak dan belia.</li> <li>• Apabila fasiliti tersebut kurang diberi tumpuan atau tidak mencukupi, ia boleh menyebabkan atau menggalakkan isu sosial di kalangan belia.</li> </ul>
Tiada saluran komunikasi atau akses langsung kepada wakil rakyat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk ingin mengadakan perbincangan secara terbuka terus dengan wakil rakyat.</li> <li>• Penduduk merasa diabaikan, wakil rakyat selama ini hanya menghantar wakil dan tidak turun padang sendiri untuk memahami masalah sebenar di peringkat akar umbi.</li> </ul>
Keadaan bangunan yang bahaya dan usang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pangsapuri Seri Perantau</li> <li>• Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keadaan bangunan yang usang akibat ketiadaan penyelenggaraan.</li> <li>• Sebahagian daripada bangunan kini sedang rosak teruk, terutamanya sistem bumbung yang dibuat daripada kayu kos rendah dan sistem perparitan yang gagal.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Kurang pengetahuan atau kefahaman kontrak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pangsapuri Seri Perantau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada pemahaman tentang bagaimana kontrak dan perjanjian berfungsi (pembelian/menyewa) di Pangsapuri Seri Perantau</li> </ul>
Masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> <li>• Belia</li> <li>• B40</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah dadah wujud, walaupun dikatakan tidak begitu serius.</li> <li>• Sekitar kawasan Pangsapuri Seri Perantau mendapati beberapa papan tanda mengenai usaha membanteras dadah.</li> </ul>
Belia tidak tahu cara untuk mengakses dana peruntukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia sekitar Kapar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia tidak mengetahui kaedah permohonan dana peruntukan bagi fasiliti atau kemudahan untuk aktiviti sukan dan riadah belia.</li> <li>• Pertukaran dalam pihak pengurusan, termasuk Ketua Kampung, turut membawa perubahan dalam sistem yang ada.</li> </ul>
Kuantiti sekolah yang tidak mencukupi untuk menampung peningkatan populasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar sekolah sekitar Kapar</li> <li>• Bandaraya Klang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebahagian sekolah yang ada kini berisiko untuk tidak mampu menampung populasi pelajar yang terus meningkat.</li> <li>• Pembangunan yang terlalu agresif dan peningkatan populasi tempatan.</li> </ul>
Bekalan elektrik yang tidak stabil dan terganggu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Sungai Udang, Jalan Tok Sidang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada peranti pengubah elektrik yang mencukupi untuk menampung penggunaan elektrik yang semakin meningkat akibat daripada pembangunan yang pesat, terutamanya di kawasan yang memerlukan kuasa elektrik tinggi seperti pusat beli-belah.</li> </ul>
Kecurian motosikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg Delek dan Sungai Udang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kecurian motosikal semakin berleluasa dan sering berlaku setiap bulan di sekitar kampung.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Perlumbaan haram	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg Delek dan Sungai Udang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlumbaan semakin berleluasa di sekitar kampung.</li> </ul>
Keciciran sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Delek</li> <li>• B40</li> <li>• Pelajar sekolah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu bapa tidak mampu menghantar atau membelanja anak ke sekolah akibat masalah perceraian</li> <li>• Masalah keluarga, perceraian ibu bapa, atau masalah rumah tangga sering menyebabkan ramai pelajar tercicir.</li> <li>• Ibu bapa tunggal pula seringkali tidak mampu menyediakan pendidikan yang secukupnya untuk anak-anak mereka.</li> </ul>
Terperangkap dalam sistem mahkamah syariah yang tidak efisien dalam melaksanakan penguatkuasaan perintah nafkah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu tunggal</li> <li>• Jalan Nenas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu yang memeluk Islam (ibu yang bercerai) tidak mempunyai saluran undang-undang alternatif untuk mempertahankan hak nafkah anak yang belum dibayar.</li> <li>• Bagi ibu tunggal yang beragama Islam, mereka menghadapi masalah di mana bekas suami mereka mengingkari perintah mahkamah syariah untuk membayar nafkah anak-anak.</li> <li>• Masalah ini sering berlarutan kerana pihak mahkamah syariah tidak menguatkuasakan pemantauan yang berkesan atau tiada tindakan balas yang jelas apabila nafkah tidak dibayar.</li> <li>• Sebagai contoh, peserta <i>focus group discussion (FGD)</i> memaklumkan bahawa jumlah terkumpul nafkah yang belum dibayar oleh bekas suaminya kini telah mencecah RM60 ribu.</li> </ul>
Tidak memiliki akses kepada sokongan penjagaan kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu tunggal</li> <li>• Parlimen Kapar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Selain bergantung kepada sokongan penjagaan anak dari saudara mara, jiran, atau ibu bapa (jika masih ada), ibu tunggal ini tidak mempunyai akses kepada sokongan penjagaan anak yang mampu meringankan beban kewangan.</li> <li>• Ibu tunggal yang bekerja atau yang ingin bekerja seringkali menghadapi kesukaran untuk berjauhan dari anak-anak kerana kekurangan sokongan penjagaan anak.</li> </ul>



ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Mereka perlu bekerja, namun pada masa yang sama, terpaksa menjaga atau mengasuh anak-anak yang masih kecil (jika ada), contohnya, semasa mengambil tempahan untuk membuat kuih.</li> </ul>
Tidak memahami cara untuk memohon bantuan seperti bantuan SKT	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk B40 Meru</li> <li>Ibu Tunggal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak memiliki literasi pengetahuan atau akses kepada maklumat mengenai cara untuk memohon jenis-jenis bantuan kerajaan yang tersedia untuk golongan B40.</li> <li>Tidak tahu jenis bantuan kerajaan yang tersedia, malah tidak sedar mengenai proses permohonan bagi bantuan tersebut.</li> </ul>
<b>ISU EKONOMI</b>		
Ketidaktentuan pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nelayan</li> <li>Nelayan Sungai Sireh</li> <li>Nelayan Pengkalan Tok Muda</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Disebabkan jumlah tangkapan yang tidak menentu, nelayan tidak memperoleh pendapatan bulanan yang tetap atau stabil.</li> <li>Pelbagai faktor menyebabkan kekangan kepada nelayan untuk keluar ke laut, antaranya ialah masalah cuaca yang tidak menentu akibat perubahan iklim. Pada musim hujan, mereka tidak dapat turun ke laut. Selain itu, sesetengah jenis ikan seperti senangin dan siakap sukar ditemui ketika musim hujan, menyebabkan nelayan hanya bergantung kepada beberapa jenis ikan seperti bawal. Kepelbagaian jenis ikan juga menjadi terhad.</li> <li>Masalah perubahan cuaca, musim, serta perubahan iklim yang mendadak telah menjadi faktor utama menyebabkan nelayan sukar memperoleh tangkapan yang banyak seperti dahulu. Kekurangan ikan juga berpunca daripada pencemaran yang dibawa oleh <i>Kapar Energy Venture (KEV)</i>.</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ibu tunggal</li> <li>Parlimen Kapar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada pendapatan tetap disebabkan oleh kekurangan sistem sokongan penjagaan kanak-kanak yang stabil, di mana ibu bapa terpaksa sentiasa berada bersama anak-anak, terutamanya anak yang memerlukan sokongan penuh daripada ibu atau yang sedang sakit.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Oleh kerana ibu tunggal atau yang tinggal bersama anak-anak perlu mengutamakan kebajikan anak-anak kecil mereka, terutamanya bagi mereka yang mempunyai anak-anak yang kurang sihat atau anak-anak OKU, ibu-ibu ini sering kali tidak mempunyai masa untuk bekerja seperti orang lain.</li> <li>Ada yang terpaksa diberhentikan kerja kerana kerap mengambil cuti untuk menghantar anaknya ke hospital bagi menjalani rawatan.</li> </ul>
Proses permohonan lesen nelayan yang rumit	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nelayan</li> <li>Nelayan Sungai Sireh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Permohonan lesen memakan masa yang terlalu lama dan kosnya agak membebankan.</li> <li>Permohonan untuk mendapatkan lesen nelayan memerlukan proses yang agak rumit, disertai dengan regulasi birokrasi yang eksesif serta mengambil masa bertahun.</li> </ul>
Kesukaran mendapatkan dana peruntukan bagi pembangunan jeti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nelayan</li> <li>Jeti Nelayan Sg. Sireh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Isu pemilikan ataupun pengurusan jeti hakmilik para nelayan merangkumi penglibatan LUAS.</li> <li>Untuk proses pewartaan dan juga bagi meminta dana bagi baikpulih atau menaik taraf, pihak nelayan disarankan untuk menyediakan pelan pembangunan jeti. Proses ini telah menelan belanja yang agak tinggi bagi para nelayan kerana terpaksa mengeluarkan kos untuk penyediaan pelan pembangunan.</li> </ul>
Peningkatan kos untuk operasi baik pulih bot/sampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nelayan Sungai Sireh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kos pembaikan enjin meningkat</li> <li>Kos enjin, peralatan dan minyak meningkat, sedangkan pendapatan punca menurun</li> </ul>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>
Kekurangan dana untuk naiktaraf kawasan pengkalan yang daif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengkalan Sungai Sireh</li> <li>• Pengkalan Tok Muda</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengkalan yang lama perlu dinaiktaraf sebab banyak infrastruktur perlu dibaikpulih untuk lebih selamat.</li> </ul>
Para nelayan tiada akses kepada bantuan kerajaan selain daripada zakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan Sungai Sireh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pihak nelayan merasakan tanpa melibatkan zakat atau keperluan untuk mendaftar atau menyertai asnaf, komunikasi langsung dengan pihak yang berkenaan adalah diperlukan.</li> <li>• Segelintir nelayan tidak mahu masuk kategori asnaf untuk mendapatkan bantuan kerana berprinsip untuk tidak mahu bergantung kepada zakat, sebaliknya lebih memilih untuk menerima bantuan daripada dana kerajaan</li> </ul>
Pemindahan kedai tanpa penyediaan tempat sementara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peniaga Pangsapuri Seri Perantau</li> <li>• B40</li> <li>• Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebanyak 10 kedai akan dirobohkan dan dipindahkan ke Klang. Masyarakat atau penduduk di flat atau pangsapuri ini akan kehilangan akses langsung serta sokongan sistem makanan apabila kedai runcit tersebut dipindahkan.</li> <li>• Kehilangan mata pencarian.</li> <li>• Pekedai yang merupakan penduduk pangsapuri ini, yang kedainya dipindahkan, tidak diberikan tempat untuk berniaga sementara, menyebabkan mereka kehilangan punca pendapatan.</li> </ul>
Kos pemilikan jeti yang terlalu tinggi dan tidak wajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan laut Jeti Kampung Delek</li> <li>• Nelayan Pengkalan Tok Muda</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan dan persatuan nelayan terpaksa membayar yuran tetap sebanyak RM600 setiap tahun kepada LUAS, yang semakin menjadi beban kerana mereka sedang bergelut dengan kelestarian tangkapan dan pendapatan mereka pada masa ini.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Status tanah <i>Temporary Occupation License (TOL)</i> tempat pengkalan atau jeti yang masih tergantung	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan laut</li> <li>• Pengkalan Tok Muda</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketiadaan status TOL tanah tersebut telah menyukarkan banyak proses bagi para nelayan, seperti untuk memohon dana atau peruntukan bagi membaik pulih infrastruktur. Selain itu, keperluan untuk membayar fi jeti kepada LUAS menjadi bebanan besar kepada nelayan yang kurang berkemampuan.</li> </ul>
<b>ISU ALAM SEKITAR</b>		
Masalah pencemaran sungai berlaku kerana dipenuhi sampah sarap	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jeti Nelayan Sungai Sireh</li> <li>• Jeti Kampung Delek</li> <li>• Nelayan laut</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sungai yang tidak dibersihkan atau diuruskan oleh pihak yang bertanggungjawab dipenuhi dengan sampah sarap.</li> <li>• Kurangnya penguatkuasaan terhadap pihak yang bertanggungjawab menguruskan sisa buangan atau kontraktor yang menguruskan sisa hanyut. Sumber sampah dari pelbagai tempat merumitkan situasi kebersihan sungai.</li> <li>• Apabila sampah sarap lekat di enjin bot, ia akan menyebabkan sampah tersebut melekat dan merosakkan enjin, seterusnya nelayan terpaksa menanggung kos pembaikan yang semakin meningkat. Kos pembaikan bagi enjin 40HP adalah sekitar RM3000-4000.</li> <li>• Pihak nelayan B40 yang kurang mampu untuk membaiki enjin yang rosak akhirnya terbengkalai akibat kos tinggi sebegini.</li> <li>• Nelayan terpaksa bergerak lebih jauh ke pesisiran pantai kerana kekurangan sumber dan bekalan ikan di sekitar sungai sepanjang jeti atau kampung, yang semakin terjejas akibat pencemaran kimia.</li> <li>• Kekurangan ikan ini meningkatkan risiko kepada nelayan, yang terpaksa meredah jarak lebih jauh untuk mencari hasil laut.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Perubahan cuaca menjejaskan nelayan untuk kerap ke laut	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nelayan di Kapar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perubahan cuaca tidak menentu sejak kebelakangan 5-6 tahun ini.</li> <li>Merumitkan para nelayan untuk turun ke laut dan menjejaskan hasil tangkapan</li> </ul>
Kawasan panas ( <i>hotspot</i> ) denggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> <li>Golongan berisiko tinggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Genangan air akibat kegagalan sistem perpaipan.</li> <li>Kes demam denggi yang tinggi berpunca daripada persekitaran yang kotor dan genangan air yang membolehkan nyamuk Aedes membiak.</li> <li>Ketiadaan sistem operasi kesihatan awam yang berkesan juga menjadi faktor penyumbang kepada wabak kesihatan awam ini.</li> </ul>
Kegagalan sistem kumbahan disebabkan ketiadaan penyelenggaraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada penyelenggaraan, yang menyebabkan sistem pembentungan melimpah.</li> <li>Air kumbahan atau air najis melimpah akibat ketiadaan sistem perparitan yang berfungsi dengan baik serta pemeliharaan kebersihan yang konsisten.</li> </ul>
Gangguan haiwan ternakan yang berkeliaran bebas	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk Pangsapuri Seri Perantau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Haiwan ternakan seperti kambing dan lembu berkeliaran bebas di sekitar pangsapuri.</li> <li>Haiwan ternakan yang berkeliaran ini menyebabkan kemalangan kereta dan masalah keselamatan pada waktu malam.</li> </ul>
Masalah banjir yang kerap berlaku di kawasan perumahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk Kampung Delek</li> <li>Lorong Alhambra dan sekitar Meru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Air naik secara tiba-tiba walaupun hujan tidak begitu lebat.</li> <li>Masalah banjir dan longkang yang tersumbat atau tidak mampu menampung kapasiti air larian hujan akibat sistem longkang yang tidak diperbaharui.</li> <li>Sistem saluran air dan lubang pembentung tidak diselenggara oleh kontraktor luar, menyebabkan penduduk terpaksa membersihkan tangki kumbahan mereka sendiri apabila berlaku limpahan.</li> <li>Saiz longkang yang ada kini terlalu kecil untuk menampung kapasiti air yang ada.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akibatnya, apabila banjir berlaku, penduduk terpaksa menggali lubang pembentung atau mana-mana longkang yang tersumbat.</li> </ul>
Pembuangan sampah merata	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Kampung Delek</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sampah tidak diuruskan dengan baik atau dibuang merata-rata.</li> <li>• Mentaliti dan kurangnya kesedaran sivik dalam kalangan penduduk setempat.</li> </ul>
Pembakaran terbuka	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Kampung Delek</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membakar sampah yang berlebihan</li> <li>• Apabila jumlah sampah terlalu banyak, sesetengah pihak akan memilih untuk membakar sampah tersebut bagi mengurangkan kuantiti sampah yang dibiarkan di tepi jalan, yang boleh membahayakan orang awam atau kenderaan.</li> </ul>
Mendapan tanah mengganggu kestabilan struktur jeti nelayan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan laut</li> <li>• Jeti Kampung Delek</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos untuk menebat tanah mendap itu semakin meningkat.</li> <li>• Nelayan dan persatuan telah berusaha untuk mengatasi masalah ini, namun usaha mereka masih gagal. Mereka memerlukan sokongan serta dana atau peruntukan bagi meringankan beban yang ditanggung.</li> </ul>
Pencemaran udara dari kilang <i>Kapar Energy Ventures</i> (KEV)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk kampung</li> <li>• Golongan berisiko tinggi</li> <li>• Kampung Tok Muda</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencemaran yang disebabkan oleh pembakaran arang batu di stesen janakuasa.</li> <li>• Pembakaran arang batu yang menghasilkan debu dan sisa debris mencemarkan kualiti udara serta menjejaskan kesihatan penduduk kampung-kampung berdekatan, termasuk yang sekitar Kilang KEV tersebut.</li> <li>• Penduduk mengesyaki pencemaran ini telah menyebabkan masalah kesihatan di kalangan penduduk, seperti kanser, walaupun tiada bukti yang dapat dikaitkan secara langsung dengan pencemaran dari kilang.</li> <li>• Pihak nelayan dan penduduk telah mengemukakan isu ini kepada pihak kilang serta badan berkuasa yang berkenaan, namun sehingga kini tiada tindakan diambil.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Pencemaran air dari kilang <i>Kapar Energy Ventures</i> (KEV)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan darat &amp; laut</li> <li>• Eko-sistem laut</li> <li>• Sungai Kapar Besar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencemaran atau sisa pembakaran arang batu daripada stesen janakuasa telah mencemarkan kualiti air sungai dan seterusnya memberi kesan buruk kepada ekosistem laut.</li> <li>• Kualiti air sungai yang terjejas menyebabkan ikan dan hidupan akuatik sukar berkembang biak dengan subur di kawasan sekitar.</li> <li>• Kebun kerang para nelayan juga mengalami penurunan hasil, dengan pengeluaran kerang berkualiti yang semakin berkurang berbanding dahulu.</li> <li>• Pencemaran ini memberi impak buruk kepada kebun kerang.</li> <li>• Nelayan terpaksa pergi lebih jauh ke laut untuk mencari hasil tangkapan, yang sekaligus meningkatkan risiko keselamatan mereka.</li> <li>• Turut menyebabkan masalah kualiti kesihatan yang semakin kurang baik</li> </ul>
Masalah pencemaran udara yang teruk akibat sisa buangan industri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk kampung Sungai Serdang</li> <li>• Golongan berisiko tinggi</li> <li>• Warga emas</li> <li>• Pesakit kronik</li> <li>• Kanak-kanak</li> <li>• Haiwan ternakan &amp; peliharaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencemaran udara yang disebabkan oleh pembuangan sisa toksik haram di kawasan berhampiran dengan perumahan Kampung Sg Serdang.</li> <li>• Kampung ini telah lama dikenali sebagai kawasan yang terjejas dengan pencemaran udara yang serius akibat pelupusan bahan mudah terbakar secara haram, yang terletak 2 km dari kawasan perumahan.</li> <li>• Penduduk kampung hanya menyedari kewujudan tapak pelupusan haram ini pada tahun lepas, selepas seorang penduduk dimasukkan ke hospital akibat sesak nafas.</li> </ul>
Masalah tempat pelupusan sampah atau sisa buangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk kampung Sungai Serdang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelupusan sisa kilang yang toksik secara haram</li> <li>• Sisa toksik ini dikatakan merupakan gabungan beberapa jenis logam bebas seperti Al, Cu, plastik, dan kaca.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
toksik / sisa kilang yang berdekatan dengan kawasan tempat tinggal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Golongan berisiko tinggi</li> <li>• Warga emas</li> <li>• Pesakit kronik</li> <li>• Kanak-kanak</li> <li>• Haiwan ternakan &amp; peliharaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penemuan bungkus yang dibuang yang dilabelkan dengan 'dari USA' dan Jerman.</li> <li>• Bahan-bahan tersebut adalah sisa industri yang mudah terbakar, dan apabila ia terbakar secara sendiri, ia akan menyebabkan pembakaran terbuka dengan pelepasan asap beracun.</li> </ul>
Jalan raya sempit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk kawasan Sungai Serdang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jalan ini tidak mengalami sebarang perubahan sejak 40 tahun lalu, dan kini tidak lagi mampu menampung jumlah kenderaan yang ada di kampung tersebut.</li> <li>• Keadaan jalan yang sempit menyukarkan penduduk kampung untuk keluar masuk lorong dengan selamat, malah meningkatkan risiko kemalangan.</li> <li>• Lori sampah juga menghadapi kesukaran untuk bergerak dengan efisien dalam keadaan jalan yang sempit ini.</li> </ul>
Jalan Kampung tidak diselenggara dan berlopak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengguna jalan Kampung Anggerik, Kapar</li> <li>• Penduduk Kampung Anggerik, Kapar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jalan tersebut telah berlopak kerana tidak diselenggara dan diturap.</li> <li>• Penduduk telah mengadu dan memohon agar jalan diperbaiki sejak bulan September lalu, namun sehingga kini belum ada sebarang maklum balas atau keputusan.</li> <li>• Permukaan jalan yang rosak itu agak berbahaya dan boleh mengundang kemalangan kepada pengguna motosikal atau basikal.</li> <li>• Jalan juga menjadi licin ketika musim hujan.</li> </ul>
Masalah sampah yang terbiar di kawasan perumahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Lorong Alhambra, Meru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan pengumpulan sampah yang tidak konsisten.</li> <li>• Akibat perkhidmatan yang tidak konsisten, penduduk terpaksa berhadapan dengan masalah longgokan sampah yang menarik hidupan liar seperti monyet dan tikus, serta menyebabkan kawasan tersebut berbau busuk.</li> </ul>



### 3.0 PENGUTAMAAN ISU

#### PENGUTAMAAN ISU 1: KEPERLUAN PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN FIZIKAL DAN AMENITI JETI NELAYAN

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Struktur Jeti yang Rosak: Jeti nelayan yang uzur menyebabkan risiko keselamatan kepada nelayan kerana struktur yang rapuh dan tidak stabil. Ini menghalang mereka untuk melakukan aktiviti seperti menaikkan bot dan memungkah hasil tangkapan dengan selamat.</li><li>2. Kebersihan dan Pengurusan Sisa yang Lemah: Kemudahan pembuangan sampah dan pengurusan sisa yang tidak efektif di jeti menyebabkan pencemaran alam sekitar, mengancam ekosistem marin, serta memberi impak negatif terhadap kesihatan nelayan.</li></ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pembaikan Struktur Jeti yang Rosak: Kerajaan perlu melabur dalam pembaikan dan pembinaan semula jeti nelayan yang uzur untuk memastikan keselamatan nelayan. Struktur yang kukuh dan stabil akan memudahkan aktiviti seperti menaikkan bot dan memungkah hasil tangkapan dengan selamat.</li><li>2. Penggunaan Bahan Berkualiti untuk Pembinaan: Pemilihan bahan binaan yang lebih tahan lama dan sesuai dengan cuaca laut dapat mengurangkan kos penyelenggaraan serta meningkatkan ketahanan jeti dalam jangka panjang.</li><li>3. Peningkatan Kemudahan Pengurusan Sisa: Meningkatkan sistem pembuangan sampah dan pengurusan sisa yang lebih berkesan di kawasan jeti akan mengurangkan pencemaran, memastikan kebersihan kawasan tersebut, dan melindungi ekosistem marin.</li><li>4. Pemantauan Berkala dan Penyelenggaraan Jeti: Memastikan pemantauan yang berterusan terhadap keadaan struktur jeti dan sistem</li></ol>

	pengurusan sisa. Penyelenggaraan berkala akan mengelakkan kerosakan yang lebih teruk serta memastikan operasi harian nelayan berjalan lancar tanpa gangguan.
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan laut</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jeti Nelayan Sungai Sireh</li> <li>• Jeti Kampung Delek</li> <li>• Pengkalan Tok Muda</li> </ul>
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
Matlamat 2: Kelaparan Sifar	<b>Sasaran 2.4:</b> Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta membantu mengekalkan ekosistem yang mengukuhkan keupayaan untuk membuat penyesuaian dengan perubahan iklim, cuaca melampau, kemarau, banjir dan bencana lain, serta meningkatkan kualiti tanah-tanah secara progresif.
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	<b>Sasaran 9.1:</b> Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan kepada mampu milik dan kesaksamaan untuk semua.
Matlamat 17: Kerjasama Demi Matlamat	<b>Sasaran 17.1:</b> Memperkukuh penjanaan sumber dalam negeri, termasuk melalui sokongan antarabangsa kepada negara membangun, bagi meningkatkan keupayaan dalam negeri untuk kutipan cukai dan kutipan hasil lain.

## PENGUTAMAAN ISU 2: KEKURANGAN INISIATIF UNTUK MEMACU EKONOMI DOMESTIK

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Usaha untuk memajukan ekonomi masih kurang.</li> <li>2. Kurangnya program dan dasar yang spesifik untuk menggalakkan pembangunan ekonomi setempat.</li> <li>3. Kurang mendapat sokongan teknologi dan modal untuk meningkatkan produktiviti ekonomi setempat.</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keperluan semakan semula dasar dan polisi berkaitan pembangunan di daerah luar bandar</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk tempatan</li> <li>• Belia</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekitar kawasan parlimen Kapar</li> </ul>
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	<b>Sasaran 1.5:</b> Menjelang 2030, membina daya tahan golongan miskin dan berisiko, serta mengurangkan pendedahan dan risiko mereka terhadap peristiwa berkaitan iklim melampau serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain.
Matlamat 2: Kelaparan Sifar	<b>Sasaran 2.a:</b> Meningkatkan pelaburan, termasuk melalui peningkatan kerjasama antarabangsa di infrastruktur luar bandar, penyelidikan pertanian dan perkhidmatan lanjutan, pembangunan teknologi dan bank gen tumbuhan dan ternakan untuk meningkatkan keupayaan produktif pertanian di negara membangun, khususnya negara kurang membangun.
Matlamat 8: Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	<b>Sasaran 8.3:</b> Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz

	<p>mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.</p>
<p>Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur</p>	<p><b>Sasaran 9.2:</b> Menggalakkan pengindustrian menyeluruh dan mampan, dan menjelang 2030, menaikkan dengan ketara sumbangan pekerjaan dan keluaran dalam negeri kasar dalam industri, selaras dengan keadaan negara, dan menggandakan sumbangannya di negara kurang membangun.</p>
<p>Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan</p>	<p><b>Sasaran 11.5:</b> Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan jumlah orang terjejas dengan signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding keluaran dalam negara kasar global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada perlindungan golongan miskin dan golongan yang berisiko.</p> <p><b>Sasaran 11.b:</b> Menjelang 2020, peningkatan dengan ketara jumlah bandar raya dan penempatan manusia yang mengguna pakai dan melaksanakan dasar dan pelan bersepadu ke arah penyertaan, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, ketahanan kepadabencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat sejajar dengan Rangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030.</p>

### PENGUTAMAAN ISU 3: PENCEMARAN ALAM SEKITAR YANG MEMUDARATKAN

<p><b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dibelenggu pencemaran asap akibat pembakaran sampah sisa domestik secara haram.</li> <li>2. Penduduk terpaksa hidu bau busuk pembakaran sampah haram.</li> <li>3. Sampah dibakar bukan saja mengeluarkan asap malah berbau busuk hingga menyebabkan penduduk mengalami sesak nafas, loya dan muntah.</li> </ol>
---	---

	4. Lokasi pembakaran dekat dengan kediaman penduduk Kampung Sungai Serdang dan Kampung di Batu 14.
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pendidikan Kesedaran Awam: Kempen pendidikan yang meluas perlu dijalankan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bahaya dan kesan negatif pembakaran sampah secara haram terhadap kesihatan dan alam sekitar.</li> <li>2. Penguatkuasaan Undang-Undang: Pihak berkuasa tempatan perlu menguatkuasakan undang-undang yang lebih ketat berkaitan pembakaran sampah haram, termasuk denda yang lebih tinggi bagi individu yang melanggar peraturan ini.</li> <li>3. Kerjasama Antara Agensi: Agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO), dan masyarakat setempat perlu bekerjasama dalam menangani isu pencemaran udara ini melalui penyelidikan, pembangunan dasar, dan pelaksanaan projek pemeliharaan alam sekitar.</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Kampung Tok Muda</li> <li>• Penduduk Kampung Tok Muda</li> <li>• Warga emas</li> <li>• Golongan berisiko tinggi</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Kampung Sungai Serdang</li> <li>• Penduduk Kampung Tok Muda</li> <li>• Kampung di Batu 14</li> </ul>
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
Matlamat 3 - Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur	<b>Sasaran 3.9:</b> Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara jumlah kematian dan penyakit akibat bahan kimia berbahaya serta pencemaran dan kontaminasi udara, air dan tanah

<p>Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan</p>	<p><b>Sasaran 11.5:</b> Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan jumlah orang terjejas dengan signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding keluaran dalam negara kasar global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada perlindungan golongan miskin dan golongan yang berisiko.</p> <p><b>Sasaran 11.b:</b> Menjelang 2020, peningkatan dengan ketara jumlah bandar raya dan penempatan manusia yang mengguna pakai dan melaksanakan dasar dan pelan bersepadu ke arah penyertaan, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, ketahanan kepadabencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat sejajar dengan Rangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030.</p>
<p>Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur</p>	<p><b>Sasaran 9.4:</b> Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan industri untuk menjadikannya mampan, dengan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber yang lebih baik dan penggunaan proses industri dan teknologi bersih dan mesra alam yang lebih banyak, dengan semua negara mengambil tindakan selaras dengan keupayaan masing-masing.</p>
<p>Matlamat 17: Kerjasama Demi Matlamat</p>	<p><b>Sasaran 17.1:</b> Memperkukuh penjanaan sumber dalam negeri, termasuk melalui sokongan antarabangsa kepada negara membangun, bagi meningkatkan keupayaan dalam negeri untuk kutipan cukai dan kutipan hasil lain.</p>



# APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari**

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,  
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ [secretariat@appgm-sdg.com](mailto:secretariat@appgm-sdg.com)

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>